

TERMA RUJUKAN

PANGGILAN PERMOHONAN PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL

PROGRAM BENGKEL DAN BIMBINGAN MENTOR PENULISAN SENI CENDANA 2021

GARIS MASA KESELURUHAN

Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA				
Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Notifikasi kepada Pemohon	Masterclass (Fasa 1)	Bimbingan Mentor (Fasa 2)
26 Julai 2021	30 Ogos 2021	15 September 2021	8, 9 & 10 Oktober 2021	25 Oktober 2021 – 28 Februari 2022

1. Pengenalan

CENDANA menganjurkan **Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA 2021** adalah usaha untuk memperkasakan komuniti seni bagi memenuhi strategi CENDANA '*Memperkasakan Komuniti*' dan '*Pendidikan Budaya dan Kreatif: Membina Tenaga Kerja Kreatif*'. Penulis seni digalakkan membuat permohonan untuk program ini, yang bertujuan untuk menyokong dan meningkatkan apresiasi terhadap kegiatan seni dan budaya Malaysia, mewujudkan kelestarian seni dan merencanakan kegiatan seni yang lebih subur.

2. Apakah Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA disasarkan untuk para penulis, pengkritik muda, penulis seni baharu dan para profesional yang ingin meneroka dan memperhalusi kemahiran mereka dalam bidang kritikan seni termasuk seni persembahan, seni visual, muzik, filem dan sastera.

3. Apakah tujuan Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

Objektif program adalah seperti berikut:

- Memberi pengetahuan berguna dalam praktikal pelbagai bentuk seni di seluruh Malaysia untuk meningkatkan perkembangan kerjaya dan profesionalisme;
- Meningkatkan kritikan budaya terhadap seni persembahan, seni visual, muzik independen atau seni kraf;
- Menghasilkan pengkritik dalam bidang seni persembahan, seni visual, muzik independen atau seni kraf secara umum;
- Menjalinkan kerjasama antara penulis dan organisasi seni profesional;
- Menjalinkan jaringan profesional antara pengkritik penulisan seni.

4. Apakah struktur Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA disusun sebagai program pembangunan profesional yang mempunyai dua (2) fasa dalam format berikut:

- **Fasa 1 (8 – 10 Oktober 2021) Bengkel Penulisan Seni**
 - Peserta wajib hadir untuk sesi Bengkel Penulisan Seni selama dua belas (12) jam yang dilangsungkan sepanjang tiga (3) hari;

TERMA RUJUKAN

- Bengkel Penulisan Seni akan dijalankan secara atas talian dengan kombinasi ceramah dan perbincangan melalui ruang kerja maya;
- Rangkaian topik yang dicadangkan termasuk yang berikut:
 - Perkembangan cerita
 - Struktur/ bentuk cerita
 - Menulis untuk penonton
 - *pyramid terbalik* dan kaedah penulisan *message house*
 - Artikel yang optimumkan tetapan asas SEO
 - Memilih gambar dan mengoptimumkan artikel untuk platform media sosial
 - Asas penulisan media sosial untuk mendorong sambutan artikel
 - Memahami asas analisis

**Struktur sukatan pelajaran tertakluk kepada perubahan.*
- Setelah selesai Bengkel Penulisan Seni, peserta akan diminta untuk menulis karya dengan 500 – 800 patah perkataan berdasarkan tugasan yang disediakan. Mereka harus menyerahkan karya asli bersertakan contoh bagaimana mereka akan menulis salinan untuk media sosial dan memilih gambar yang sesuai untuk karya tulisan masing-masing.
- **Fasa 2 (25 Oktober 2021 – 28 Februari 2021) Bimbingan Mentor**
 - Dua puluh empat (24) peserta yang terpilih dari Fasa 1 akan dimajukan bagi Bimbingan Mentor selama empat (4) bulan di mana mereka akan ditugaskan untuk menulis dua (2) tugasan artikel dengan 800 hingga 1,200 patah perkataan setiap bulan selama program tersebut berlangsung.
 - Pemilihan *mentee* adalah berdasarkan tugasan artikel 500 – 800 perkataan daripada Fasa 1 dan kemampuan mereka untuk menerapkan pembelajaran dari Bengkel Penulisan Seni.
 - Peserta yang terpilih akan disokong dan bekerja secara langsung dengan mentor masing-masing. Program ini mempunyai lapan (8) mentor di mana setiap mentor akan bekerjasama dengan tiga (3) *mentee*.
 - Sesi perkongsian kumpulan kecil atas talian akan diadakan setiap bulan untuk memantau kemajuan dan cabaran dengan mentor masing-masing.
 - Pada akhir setiap bulan, sesi perkongsian bersama dengan semua mentor dan mentee secara maya akan diadakan tentang pembelajaran penting dan maklum balas lain daripada program tersebut.
 - Artikel akan disemak oleh mentor yang ditugaskan sebelum penerbitan. Artikel yang disyorkan untuk penerbitan akan dipaparkan di laman web CENDANA BASKL.com.my. Artikel yang dipilih untuk penerbitan di laman web CENDANA akan dibayar mengikut kadar pasaran terkini.

5. Siapakah yang layak memohon Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

- Warganegara Malaysia yang merupakan penulis seni yang sedang berkembang dan pengkritik seni muda baru yang ingin meneroka dan memperbaiki kemahiran mereka dalam penulisan kritikan seni;
- Mampu berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan / atau Bahasa Malaysia;
- Pemohon harus memberikan rekod prestasi jelas sekurang-kurangnya satu (1) tahun karya penulisan yang lalu dan / atau karya seni yang telah dihasilkan untuk menyokong permohonan mereka.
- Pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk menghadiri sesi Bengkel Penulisan Seni selama dua belas (12) jam, diadakan sepanjang tiga (3) hari, dan melengkapkan sebarang

TERMA RUJUKAN

tugasan yang diberi sepanjang tempoh sesi Bengkel Penulisan Seni dari **8 – 10 Oktober 2021**.

- Harap maklum bahawa jumlah penyertaan bengkel ini adalah terhad dan proses penilaian hanya akan dilakukan setelah permohonan diterima.

6. Apakah manfaat Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

Bengkel ini akan memberi manfaat seperti berikut:

- Peningkatan dan perhalusan kemahiran mereka dalam penulisan seni dan kritikan seni;
- Penerimaan input / maklum balas daripada barisan mentor yang bertauliah sepanjang program ini;
- Membangunkan atau memanfaatkan rangkaian yang sedia ada dalam kalangan penulis dan juga penyokong seni;
- Peluang menjana pendapatan melalui penulisan seni;
- Menjalin hubungan dengan penerbitan seni yang ada atau platform media *online* dan juga *offline*; dan
- Petua dan strategi pemasaran artikel / video ke pelbagai saluran penerbitan.

7. Apakah yang disokong oleh CENDANA?

- Bengkel Penulisan Seni selama tiga (3) hari;
- Penyeliaan bimbingan mentor sepanjang kedua-dua fasa program;
- Pembayaran mengikut kadar pasaran terkini untuk setiap artikel yang diterbitkan semasa Fasa 2 program ini (tertakluk kepada mentee yang terpilih) di laman web CENDANA BASKL;
- Sokongan mentor sepanjang kedua-dua fasa program;
- Platform digital untuk kedua-dua fasa program; dan
- Publisiti mengenai artikel yang akan diterbitkan.

8. Bagaimanakah cara untuk memohon Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

Permohonan atas talian diperlukan. Hantarkan penyertaan anda melalui borang permohonan di laman web CENDANA di www.cendana.com.my selewat-lewatnya pada **30 Ogos 2021**.

- Peserta akan disaring melalui panggilan terbuka yang kompetitif.
- Pemohon diminta untuk menghantar:
 - Profil / CV; dan
 - Sampel penulisan yang pernah dihasilkan - projek penulisan mengenai acara/program/aktiviti yang berkaitan dengan seni akan mempunyai kelebihan dalam peluang untuk dipilih (pautan laman web penulisan yang telah diterbitkan, jika ada)

Semua permohonan mesti disertakan:

- Pengesahan bahawa semua penyerahan adalah **benar dan tepat**; dan
- **Persetujuan terma dan syarat yang diberikan** dalam **Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni** termasuk Pengakuan dan Penafian serta Tugas Untuk Menjaga Kesulitan dan Ganti Rugi.

TERMA RUJUKAN

CENDANA berhak untuk membatalkan permohonan dan / atau mengubah terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Harap maklum bahawa semua keputusan adalah muktamad.

Permohonan yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. Penyerahan melalui kaedah lain, seperti e-mel, salinan cetak, tidak akan diterima.

9. Siapakah yang boleh dihubungi mengenai Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?

10. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di artedu@cendana.com.my dengan tajuk e-mel "**Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA?**"

11. Apakah yang berlaku selepas permohonan dihantar?

- Setelah tarikh tutup permohonan berakhir, semua permohonan akan disaring berdasarkan kriteria kelayakan, kualiti penulisan sebelum ini dan semua dokumen sokongan relevan yang telah diserahkan.
- Disebabkan tempat penyertaan adalah terhad, harap maklum bahawa permohonan akan dinilai dan disenarai pendek oleh Panel Pemilihan CENDANA.
- Semua permohonan yang diserahkan kepada CENDANA adalah sulit.

12. Apakah yang berlaku selepas penilaian permohonan?

Permohonan yang Berjaya

Pemohon yang berjaya akan menerima notifikasi e-mel rasmi selewat-lewatnya **15 September 2021**.

Permohonan Tidak Berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan menerima e-mel rasmi dalam tempoh notifikasi yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

13. Apakah pelaksanaan yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya?

Pemohon yang berjaya dipilih untuk menyertai Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni (Fasa 1) hendaklah:

- Bersedia untuk menghadiri sesi Bengkel Penulisan Seni selama dua belas (12) jam yang akan diadakan sepanjang tiga (3) hari dari **8 – 10 Oktober 2021** dan melengkapkan setiap tugas yang diberikan sepanjang program.
- Memberi komitmen masa untuk Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni dan sebarang acara susulan daripada CENDANA.

Sebanyak dua puluh empat (24) peserta akan dipilih untuk Fasa 2 Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA.

TERMA RUJUKAN

Pemohon yang berjaya dipilih untuk menyertai Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni (Fasa 2) diharapkan dapat:

- Menghadiri semua sesi bimbingan dengan mentor sepanjang Fasa 2;
- Memberi komitmen untuk menghasilkan dua (2) artikel/ video/ podcast 800 – 1,200 perkataan setiap bulan sepanjang tempoh empat (4) bulan program bimbingan mentor dari 25 Oktober 2021- 28 Februari 2022; dan
- Bersedia untuk memberikan maklum balas kritikal dan tinjauan keseluruhan untuk penambahbaikan program.

14. Apakah yang perlu dilaksanakan setelah program selesai?

Pemohon yang berjaya hendaklah:

- Melengkapkan Borang Tinjauan Penilaian CENDANA untuk setiap fasa program.
- Menyerahkan sebanyak lapan (8) artikel seperti yang ditugaskan sepanjang tempoh empat (4) bulan program bimbingan mentor setelah menerima input / maklum balas daripada mentor.
- Melengkapkan borang Tinjauan Ekonomi CENDANA.

15. Nota Tambahan

CENDANA berhak untuk membatalkan permohonan / kelulusan sekiranya ada:

- Merendahkan atau mencemarkan reputasi CENDANA secara tidak langsung atau langsung;
- Kegagalan menyerahkan pelaksanaan tugas mengikut kehendak program (tanpa kebenaran yang sah); dan
- Pelanggaran terma dan syarat yang ditentukan dan dipersetujui dalam perjanjian.

TENTANG CENDANA

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi budaya yang cergas, lestari dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, seterusnya meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia bagi membantu membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan tempat yang strategik Malaysia di pentas global. CENDANA disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (Syarikat milik penuh Menteri Perbadanan Kewangan) dan berlapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila layari www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.